

## CIRI-CIRI TADIKA BERKUALITI

Norzalikhah Buyong<sup>1</sup>, Suziyani Mohamed<sup>2</sup>

Fakulti Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>1</sup>Norzalikhah Buyong  
[akumuslimah91@gmail.com](mailto:akumuslimah91@gmail.com)

<sup>2</sup>Suziyani Mohamed  
[suziyani@ukm.edu.my](mailto:suziyani@ukm.edu.my)

### Abstrak

Tadika merupakan institusi yang memberikan pendidikan awal kepada kanak-kanak berumur empat hingga enam tahun. Tadika yang berkualiti dipercayai dapat melahirkan generasi yang cemerlang seiring dengan hasrat negara yang ingin melahirkan modal insan yang mampan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji ciri-ciri tadika berkualiti yang terdapat di tadika swasta berdasarkan Standard Kualiti Tadika yang telah diperkenalkan oleh *National Association for the Education of Young Children* (NAEYC). Kajian ini telah dilaksanakan di Tadika Little Calliphs cawangan Senawang, Negeri Sembilan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian lapangan. Data kajian dikumpul menggunakan kaedah temu bual kepada pengetua tadika dan pemerhatian secara tidak langsung melalui senarai semak kepada persekitaran tadika. Dapatan kajian menunjukkan ciri-ciri tadika yang berkualiti telah dikenal pasti melalui aspek guru, pengajaran dan persekitaran fizikal tadika. Justeru, setiap guru tadika perlu mengambil inisiatif untuk memastikan perkhidmatan tadika yang diberikan berkualiti dan dapat melahirkan murid yang cemerlang dan terbilang.

**Kata kunci:** tadika, kualiti, kelayakan guru, pengajaran, persekitaran fizikal

### Abstract

*Kindergartens are early education institution for children aged four to six years old. Eminence kindergartens are capable of producing brilliant generation in line with national aspiration of a to create a sustainable human capital. Therefore, this study's purpose to determine the characteristics of quality private kindergartens based on Kindergarten Quality Standards introduced by the National Association for the Education of Young Children (NAEYC). This study was conducted at Little Calliphs Kindergarten branch of Senawang, Negeri Sembilan. This study is a qualitative study which is field design. The data were collected using interview to the kindergartens principal and indirect observation through the checklist to the kindergarten environment. The findings show that the quality of kindergartens has been identified through the aspect of teacher, teaching and physical environment. Therefore, every kindergarten teacher and principal should take the initiative to provide quality education service and able to produce excellent students.*

*Keywords:* kindergarten, quality, teacher qualification, teaching, physical environment

## 1.0 PENGENALAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 telah dilancarkan untuk memastikan sistem pendidikan negara kekal relevan dengan perkembangan dunia semasa. Berdasarkan laporan tahunan 2016 Pelan Pendidikan Pembangunan Malaysia (PPPM), enrolmen tadika telah menunjukkan peningkatan iaitu, 85.6% bagi tadika kerajaan dan 51.9% bagi tadika swasta (KPM 2017). Laporan juga mencatatkan bahawa bilangan kelas tadika telah bertambah menjadikan keseluruhan jumlah kelas tadika sebanyak 49, 851 buah kelas. Bilangan tadika awam bertambah sebanyak 125 buah, manakala bagi tadika swasta bertambah sebanyak 2,240 buah kelas.

Melalui laporan ini, jelas menunjukkan penubuhan tadika kerajaan mahupun swasta semakin meningkat. Peningkatan bilangan tadika ini sangat memberangsangkan dan dapat mengelakkan masalah keciciran murid dalam dunia pendidikan seperti yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, jumlah enrolmen prasekolah sebanyak 77%. Namun, peningkatan bilangan tadika harus seiring dengan kualiti sistem pendidikan yang disediakan. Tadika yang berkualiti akan mampu mendidik murid dengan berkesan. Kualiti boleh difafsirkan sebagai memenuhi sebarang keperluan dan kehendak pelanggan (Lee Chung Yeow 2004). Kualiti pada peringkat tadika merujuk kepada kecekapan, keberkesanan dan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan dalam aspek yang berkaitan seperti pengajaran,

pembelajaran dan kemudahan yang diperlukan ibu bapa terhadap anak mereka (Workman & Ullrich 2017). Sesebuah tadika yang berkualiti mampu menyediakan perkhidmatan pendidikan yang cemerlang seterusnya dapat meningkatkan perkembangan holistik murid.

Berdasarkan *National Association for the Education of Young Children* (NAEYC 2018) terdapat sepuluh aspek standard yang boleh menjadikan sesebuah tadika berkualiti iaitu dari aspek perhubungan (*relationship*), kurikulum (*curriculum*), pengajaran (*teaching*), penilaian perkembangan murid (*assessment of child progress*), kesihatan (*health*), sokongan, persediaan dan kompetensi staf (*staff competencies, preparation and support*), kekeluargaan (*families*), perhubungan komuniti (*community relationships*), persekitaran fizikal (*physical environment*) dan pengurusan dan kepemimpinan (*leadership and management*). Justeru, setiap tadika disarankan untuk memenuhi standard kualiti yang telah ditetapkan untuk menyediakan perkhidmatan yang cemerlang dan berkesan.

Dalam kajian ini, aspek kualiti yang diberi perhatian ialah aspek guru, pengajaran dan persekitaran fizikal sesebuah tadika. Bagi aspek guru, NAEYC menggariskan guru tadika perlu memiliki kelayakan, pengetahuan dan komitmen profesional dalam bidang. Berdasarkan Yuruk (2011), guru-guru yang mengajar di tadika mempunyai latar belakang yang berbeza seperti pengalaman, kemahiran, motivasi, kepercayaan dan kebimbangan. Kepelbagaian latar belakang seseorang guru tadika mempengaruhi pelaksanaan sesi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di bilik darjah. Selain itu, seorang guru perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang spesifik (Abdul Halim 2014). Menurut Abdul Halim pengetahuan dan kemahiran yang guru prasekolah perlu miliki ialah pengetahuan hasil pembelajaran, persediaan alat bantu mengajar, persediaan rancangan pengajaran harian, kemahiran pendekatan pengajaran, kemahiran teknik penyampaian dan kemahiran pengurusan kelas. Amalan terhadap pengetahuan dan kemahiran dapat menjadikan sesebuah sesi PdPc berjalan dengan lancar dan berkesan.

Aspek kedua ialah pengajaran yang merupakan aktiviti menyampaikan isi pengajaran, di samping memotivasikan murid supaya bersedia untuk belajar, mengurus murid supaya mempunyai disiplin diri serta menggerakkan murid dengan aktiviti dan interaksi positif (Norasmah Othman & Shuki Osman 2009). Setiap murid mempunyai gaya belajar, keperluan, minat dan latar belakang yang berbeza. Justeru, guru perlu memilih dan mengubah suai gaya pengajaran, pendekatan, strategi dan teknik penyampaian agar dapat memenuhi setiap perbezaan murid dan memastikan setiap murid beroleh ilmu pengetahuan yang sewajarnya (NAEYC 2018).

Berdasarkan teori kecerdasan pelbagai oleh Howard Gardner (1991) menunjukkan setiap murid mempunyai kecenderungan dan kepintaran yang pelbagai yang dapat mempengaruhi gaya belajar murid. Oleh itu, guru harus peka terhadap kecenderungan gaya belajar murid agar guru dapat memilih pendekatan, strategi dan teknik mengajar yang sesuai untuk menjadikan sesi PdPc berkesan. Berdasarkan Casper dan Theilheimer (2010), mereka telah mengemukakan analisis cara belajar berdasarkan teori kecerdasan pelbagai yang boleh dijadikan panduan oleh guru semasa mengendalikan sesi pengajaran seperti dibawah:

Bil.	Kecerdasan	Cara Belajar
1.	Kecerdasan verbal/bahasa	Melalui percakapan dan pembacaan
2.	Kecerdasan logik matematik	Melalui hujah (sebab akibat), pengukuran dan pemikiran
3.	Kecerdasan muzikal	Melalui pendengaran terutama terhadap muzik dan ritma
4.	Kecerdasan fizikal	Melalui pergerakan
5.	Kecerdasan visual-spatial	Melalui pemerhatian
6.	Kecerdasan interpersonal	Melalui interaksi sosial dan pemerhatian terhadap orang lain
7.	Kecerdasan intrapersonal	Melalui refleksi dan pemerhatian terhadap diri sendiri
8.	Kecerdasan kewujudan	Melalui refleksi kehidupan
9.	Kecerdasan naturalis	Melalui persekitaran

Pengetahuan guru terhadap gaya belajar murid dapat membantu guru melaksanakan sesi PdPc dengan pendekatan, teknik dan strategi pengajaran yang tepat seterusnya dapat meningkatkan kemahiran dan perkembangan murid secara holistik.

Aspek ketiga yang dikaji ialah persekitaran fizikal. Persekitaran fizikal memberi pengaruh yang besar kepada sesi pengajaran dan pemudahcaraan di tadika. Persekitaran fizikal merujuk kepada persekitaran dalam tadika dan persekitaran luar tadika yang meliputi keselamatan, pengurusan ruang, keselesaan, saiz peralatan dan perbanaan, bunyi dan daya penarik setiap sudut pembelajaran (Kostelnik et al 2011).

Menurut Kostelnik et al., penyusunan persekitaran fizikal yang efektif memberi kesan secara langsung kepada murid kerana ia mempengaruhi apa yang murid boleh lakukan, apa yang murid boleh rancang dan apa yang murid boleh gunakan untuk melaksanakan rancangan mereka.

Selain itu, Beaty (2014) menyatakan bahawa, suasana persekitaran tadika perlu memberi kebebasan kepada murid meneroka dan belajar daripada sekeliling mereka. Selain itu, ruang persekitaran perlu dapat meyakinkan murid seolah-olah mereka berada di rumah sendiri agar murid dapat berasa selesa untuk belajar. Oleh itu, tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti ciri-ciri tadika swasta yang berkualiti daripada aspek guru, pengajaran dan persekitaran fizikal.

## 2.0 TINJAUAN LITERATUR

### Aspek Guru

Guru merupakan elemen penting dalam sesi pengajaran dan pemudahcaraan di bilik darjah. Guru bertanggungjawab menyampaikan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada murid (Mok Soon Sang 2012). Oleh itu, guru perlu mempunyai kelayakan, pengetahuan dan kemahiran yang secukupnya untuk memberi perkhidmatan berkualiti kepada murid. Guru yang mempunyai kelayakan yang lebih tinggi daripada aspek akademik mampu memberi perkhidmatan pendidikan yang lebih berkualiti. Manning et al (2017) menyatakan bahawa kelayakan guru yang lebih tinggi mempunyai hubungan positif terhadap kualiti pendidikan awal dan penjagaan kanak-kanak yang diberikan. Guru yang mempunyai kelayakan akademik yang lebih tinggi mempunyai pengetahuan yang lebih banyak. Oleh itu, kebiasaannya bagi lantikan guru, kelayakan akademik adalah antara aspek yang diutamakan. Hal ini turut disokong oleh kenyataan daripada *Center for the Study of Child Care Employment* di Universiti California (2017) di mana, kelayakan bagi guru tadika di tadika awam atau swasta sekurang-kurangnya perlu memiliki ijazah sarjana dan ijazah sarjana muda.

Selain kelayakan akademik, latihan guru turut diberi perhatian. Khalid Johari et al (2009) menyatakan bahawa, dalam konteks profesion guru, pendidikan dan latihan ikhtisas guru merupakan faktor utama dalam menentukan kualiti guru dan pengajaran guru. Guru yang mempunyai latihan keguruan yang lengkap dapat mengaplikasikan kemahiran dan pengetahuan yang dimiliki di bilik darjah. Oleh itu, pihak kerajaan perlu meningkatkan lagi jenis latihan atau kursus yang sesuai untuk guru tadika di Malaysia. Berdasarkan Ching Ting Tan (2017), di Singapura, kerajaan Singapura menggalakkan dan memperuntukkan perbelanjaan kepada guru tadika baharu untuk menjalani latihan keguruan dalam meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan kelayakan guru tadika. Hasilnya, sejak tahun 2006, guru tadika di Singapura sudah memiliki sekurang-kurangnya kelulusan akademik peringkat diploma dan telah menghadiri latihan guru baharu. Kelayakan akademik dan latihan keguruan dapat membantu guru untuk lebih kompeten dalam kerjaya mereka seterusnya dapat menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid dengan berkesan.

### Aspek Pengajaran

Pemilihan gaya dan teknik pengajaran yang berkesan sangat penting untuk melahirkan murid yang berkualiti. Hal ini berdasarkan kajian Zaidah (2005) yang menyatakan bahawa bagi melahirkan ramai murid yang cemerlang, tumpuan seharusnya menjurus kepada kualiti guru, proses pengajaran dan pengetahuan yang dimiliki oleh guru tersebut. Hasilnya dapat dilihat daripada tren perkembangan kajian terkini yang lebih menjurus kepada peranan guru dalam mencorakkan PdPc di dalam bilik darjah. Peranan guru bukan sekadar mengajar semata-mata tetapi memastikan murid lebih menghayati pengetahuan yang disampaikan (Nooraida 2008).

Pada peringkat tadika, pengajaran murid perlu bersifat berkesan, bermakna dan menyeronokkan yang dapat membekalkan murid dengan kemahiran, keyakinan diri dan sikap positif untuk pembelajaran seterusnya (KPM 2017). Pembelajaran secara santai dan menyeronokkan sudah sinonim dengan murid tadika. Pendekatan bermain sering kali digunakan dalam sesi pengajaran guru di kelas. Pendekatan bermain memberi peluang penerokaan pengetahuan dan membina pengalaman bermakna terhadap murid tadika (Zakiah & Mohamad Kamis 2016). Selain itu, kelebihan pendekatan bermain ialah, murid leka dan fokus dengan apa yang sedang dilakukan dan hal ini dapat mengelakkan murid daripada cepat bosan dengan pembelajaran.

Di samping itu, melalui pendekatan bermain, murid belajar secara bermakna dan gembira. Apabila murid stabil daripada aspek emosi, proses pembelajaran dapat berlangsung dengan berkesan. Menurut kajian yang dijalankan oleh Ramlah et al. (2016) mendapati, pengajaran melalui didik hibur memberi kesan yang positif terhadap perkembangan emosi murid tadika di mana ia boleh mendatangkan kegembiraan dan

menggalakkan murid untuk berinteraksi dan berkomunikasi antara satu sama lain. Dapatan kajian yang menggunakan 80 orang guru tadika sebagai sampel kajian ini menjelaskan majoriti guru tadika berpendapat bahawa murid-murid mendapati kaedah didik hibur menggembirakan dan guru mudah untuk melaksanakannya. Justeru, pendekatan dalam pengajaran di bilik darjah harus sesuai dengan murid dan mampu menarik perhatian murid untuk terus belajar.

### **Aspek Persekitaran Fizikal**

Persekitaran fizikal bilik darjah merupakan elemen penting dalam membentuk pembelajaran yang kondusif dan memberangsangkan. Persekitaran yang kondusif dapat membantu mewujudkan keselesaan sesi pengajaran dan pemudahcaraan di samping dapat mempengaruhi tumpuan dan minat belajar murid dalam bilik darjah. Persekitaran fizikal tadika termasuk ruang dalaman, ruang luaran, sudut pembelajaran, peralatan, perbahanan, hiasan dan dekorasi ruang dan keselamatan (Kostelnik et al. 2011). Semua ciri ini antara aspek yang perlu dititikberatkan di sesebuah tadika kerana setiap ciri dapat mempengaruhi pembelajaran murid sama ada berjaya atau sebaliknya. Berdasarkan kajian Che Nidzam et al. (2016) berkaitan pengaruh persekitaran fizikal bilik darjah terhadap sesi PdPc, menunjukkan bahawa ruang pembelajaran, perabot, pengaliran udara dan pencahayaan dalam bilik darjah mempengaruhi suasana pembelajaran, penjaan idea, nilai, sikap dan tingkah laku murid. Kajian ini dilaksanakan terhadap 916 orang murid sekolah di negeri Melaka. Kajian ini jelas menunjukkan bahawa persekitaran fizikal bilik darjah sangat mempengaruhi proses pembelajaran murid.

Selain itu, pihak kerajaan juga sangat mengambil berat terhadap persekitaran fizikal di sekolah. Hal ini boleh dilihat melalui Pelan Strategik Interim KPM 2011-2020 di mana kemudahan infrastruktur merupakan satu elemen penting yang diberikan perhatian dalam perancangan pendidikan demi memastikan pembangunan pendidikan yang seimbang dan meningkatkan ekuiti dalam pendidikan. Kemudahan infrastruktur yang penting di sesebuah sekolah ialah bilik darjah kerana bilik darjah merupakan tempat yang sinonim dengan proses pengajaran dan pemudahcaraan murid. Maka ia harus dijaga agar mampu memberikan impak yang positif kepada murid seperti melancarkan proses pembelajaran dan proses pengajaran (Nurul Jannah 2015). Selain itu, Zedan (2010) menyatakan bahawa bilik darjah yang berkualiti dan selesa adalah penting dalam membentuk emosi dan sikap murid terhadap rakan kelas, subjek yang dipelajari dan sistem pendidikan secara keseluruhannya. Justeru, sangat penting untuk mengetahui keadaan persekitaran fizikal sesebuah tadika kerana ia memberi kesan kepada banyak faktor terutamanya terhadap proses pembelajaran murid.

### **3.0 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti ciri-ciri tadika cemerlang berdasarkan Standard Kualiti Tadika NAEYC melalui aspek guru, pengajaran dan persekitaran fizikal. Aspek guru meliputi kelayakan akademik, latihan dan ciri-ciri pemilihan guru. Aspek pengajaran pula untuk mengenal pasti pendekatan pengajaran yang guru amalkan di bilik darjah, dan aspek persekitaran fizikal untuk mengenal pasti ruang pembelajaran, keselamatan dan keperluan asas yang ada di tadika.

### **4.0 METODOLOGI**

Kajian ini merupakan kajian lapangan yang menggunakan pendekatan kualitatif. Data dikumpul menggunakan kaedah temu bual separa struktur terhadap responden dan pemerhatian secara tidak langsung. Bilangan responden kajian ialah terhadap seorang iaitu pengetua tadika. Pemilihan sampel menggunakan persampelan bertujuan di mana pengkaji menetapkan ciri-ciri yang boleh memberi maklumat yang diperlukan dalam kajian, dan pengetua tadika merupakan sampel yang memenuhi ciri dalam kajian ini. Temu bual dilaksanakan dan direkod berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan dengan menggunakan perakam video. Selain itu, kajian ini juga menggunakan borang soal-selidik untuk mendapatkan maklumat demografi responden terbabit dan borang senarai semak yang diadaptasi daripada Borang Senarai Semak Kemudahan dan Prasarana Prasekolah KPM (2010) dan *Early Childhood Environment Rating Scales* (2015) yang digunakan untuk mendapatkan maklumat persekitaran fizikal tadika.

Sebelum kajian dilaksanakan, pengkaji meminta kebenaran daripada pihak atasan iaitu penyelaras tadika tersebut untuk menjalankan kajian terhadap pengetua dan tadika tersebut. Kemudian, pengkaji telah menghubungi pengetua tadika untuk menerangkan tujuan kajian dengan mendalam. Selain itu, pengkaji menerangkan dengan baik proses dan tujuan kajian kepada pengetua tadika dengan taklimat ringkas dan arahan yang perlu dipatuhi sepanjang sesi kajian. Pengkaji juga memaklumkan kepada pengetua tadika bahawa maklumat temu bual adalah sulit dan peribadi serta hasil dapatan hanya untuk tujuan kajian sahaja. Analisis data temu bual pengetua tadika direkod melalui perakam video. Setiap pertuturan pengetua tadika yang ditemu bual dicatatkan satu demi satu dengan perkataan demi perkataan berserta ayat yang lengkap.

## 5.0 DAPATAN KAJIAN

Pengkaji telah membahagikan hasil dapatan berdasarkan objektif yang dibina, iaitu:

### **Kelayakan akademik, ciri-ciri pemilihan guru dan latihan guru tadika**

Dalam konteks kajian ini, aspek kualiti guru dikaji melalui aspek tahap akademik, keperibadian guru dan latihan yang diberikan untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran guru. Hasil temu bual, responden menyatakan bahawa syarat utama pemilihan guru tadika ialah mempunyai kelayakan akademik tahap diploma dan mempunyai keperibadian yang unggul, positif dan boleh menjadi contoh murid-murid.

*T: "Kita di sini tidak kisah jika dia tiada background childhood pun. Tapi, minimum perlu ada diploma. Tidak kisah, background engineering ke psikologi ke, kita akan ambil. Tapi, kita highlightkan teacher di sini sayangkan budak-budak, jenis yang suka belajar, tutup aurat dan jaga solat.."*

Responden menerangkan bahawa, latihan atau kursus yang disediakan untuk guru tadika terbahagi kepada dua jenis iaitu kursus jangka masa panjang dan pendek. Kursus jangka masa panjang ialah kursus *New Teacher's Training* yang dijalankan sebanyak dua kali setahun untuk guru-guru baharu dan dilaksanakan untuk tempoh satu minggu. Kursus jangka pendek pula dilaksanakan dalam jangka masa separuh hari hingga sehari iaitu kursus *Senior's Teacher Training* bagi guru yang telah berkhidmat setiap dua tahun, *Management and Class Training* dan *Lesson Plan Training* untuk semua guru tadika.

*T: "Latihan pula wajib. Sebab kita ada program kan. Kita panggil kursus New Teacher's Training. Untuk tempoh seminggu. Semua guru baru akan pergi ke kursus ini. Guru lama, mana yang berkhidmat dalam 2 tahun, kita akan hantar ke kursus lagi, Senior-Teacher training. Kita juga akan buat training dalam sebari macam training management. Jadi kita akan beritahu, class management tu macam mana, apa yang teacher perlu buat.. Di sini ada lesson plan, jadi kita ada training untuk lesson plan. Macam mana teacher nak buat lesson plan itu.."*

Berdasarkan temu bual, latihan yang diterima oleh guru tadika lebih menjurus kepada kemahiran untuk memahami modul dan kaedah pengajaran program tadika. Latihan tidak menjurus kepada latihan kegunaan secara khusus tetapi lebih kepada untuk memberi kefahaman berkaitan program tadika agar dapat dilaksanakan semasa pengajaran.

### **Pendekatan pengajaran dalam bilik darjah**

Responden menyatakan bahawa, tadika menggunakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP 2017) Pendidikan Prasekolah sebagai panduan kurikulum utama dan ditambah dengan kaedah program tadika sendiri. Pendekatan pengajaran yang digunakan ialah pembelajaran secara bermain. Sebagai contoh, pengajaran membaca diajar melalui kaedah fonik.

*T: "Kita kat sini lebih kepada learning through play. Which is, kalau reading pun, zaman kita belajar dulu, kita buka buku kan, dengan teacher, baca... Tapi dekat sini, reading pun, teacher akan masukkan bermain. Contohnya, macam biasalah, maybe buat dalam flashcard dekat lantai. U can jump like frog. Reading, kita tidak guna ABC., kita guna phonics.. baca: beh, aah, ceb, aah.. thats why, dekat sini, boleh terus read. Jadi, agak laju juga la kalam untuk 4 tahun terus membaca..."*

Selain itu, responden juga menyatakan bahawa setiap pengajaran akan diterapkan dengan konsep Islam. Contohnya, dalam mengajar konsep nombor 5 akan dikaitkan dengan 5 Rukun Islam.

T: “PnP kita di sini, kita banyakkkan projek, So, kita banyak benda macam itu la... Kita hendak spark diorang punya critical thinking kan...Jadi, untuk critical thinker, kita banyakkkan projek dengan diorang...”

T: “Kita ada IBL. IBL itu, inquiry-based learning. Untuk IBL ini, kita just hendak tengok student kita itu jenis yang macam mana. Adakah, jika bagi dia task, adakah dia buat seperti mana yang ita suruh, atau bila kita beri task, dia akan fikir macam mana hendak buat. Bila diorang berfikir, dia akan tanya macam-macam. Kita hendak jadikan murid itu banyak bertanya. Contoh, themepark. Murid akan bertanya, teacher macam mana hendak buat ini. Jadi, kita akan tanya, dekat themepark ada apa?... jadi, murid jawab, dekat themepark ada gelongsor air teacher... Jadi, kita dah nampak dah, dia ada IBL dalam mind dia. Kita nak, budak itu sendiri beri jawapan. Kita tanya soalan...”

Selain itu, tadika juga mempraktikkan pembelajaran berasaskan projek dan *Inquiry-based learning* untuk membentuk murid untuk lebih berani mengeluarkan pendapat, membentuk sifat kepimpinan dan melahirkan murid yang mampu berfikir secara kritikal.

### **Persekitaran fizikal di tadika**

Persekitaran fizikal tadika telah dinilai berdasarkan borang senarai semak yang telah diadaptasi daripada Borang Senarai Semak: Kemudahan dan Prasarana Prasekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (2010) dan *Preschool Environment Checklist* daripada *Early Childhood Environment Rating Scale* (ECERS 2015)

Borang senarai semak berfokus kepada kemudahan asas persekitaran pembelajaran dan dibahagikan kepada tujuh aspek iaitu bilik darjah, sudut pembelajaran, bekalan air, bekalan elektrik, tandas murid, tempat memberus gigi dan keselamatan.

Bagi aspek kemudahan asas di bilik darjah, premis mempunyai kelengkapan yang asas berdasarkan borang senarai semak seperti perabot, lampu, kipas dan rak untuk buku murid. Premis juga dilengkapi dengan penyaman udara untuk memastikan ruang udara selesa dan nyaman. Bagi aspek sudut pembelajaran, premis tidak membahagikan ruang pembelajaran berdasarkan tunjang yang terdapat dalam DSKP tetapi dibahagikan berdasarkan sudut pembelajaran tertentu seperti sudut seni, sudut membaca, sudut sains, sudut matematik dan lain-lain lagi. Berdasarkan pemerhatian, ruang pembelajaran khusus untuk muzik tidak disediakan.

Bekalan air dan elektrik jauh daripada capaian murid dan setiap punca elektrik ditutup dengan baik. Premis juga dilengkapi dengan tandas yang sesuai dan berhampiran dengan murid. Tempat memberus gigi dan tempat mengambil wuduk juga disediakan untuk kegunaan murid dengan saiz yang sesuai.

Bagi aspek keselamatan asas, alat pemadam api, peti pertolongan cemas dan pintu kecemasan berada dalam keadaan yang mengikut spesifikasi Jabatan Bomba dan Penyelamat. Selain itu, kabel elektrik jauh daripada capaian murid, tiada objek tajam atau bahaya di persekitaran murid dan terdapat penghadang antara premis dengan kawasan luar dalam menjaga keselamatan murid dan kaki tangan tadika.

Tetapi, berdasarkan pemerhatian pengkaji, terdapat dua kekurangan dalam aspek keselamatan yang telah dikenal pasti pada tadika. Pertama, premis tidak dilengkapi dengan bilik atau ruang sakit kerana responden menerangkan bahawa, setiap murid yang sakit tidak boleh berada di tadika. Pihak tadika akan menghubungi ibu bapa atau penjaga dengan kadar segera jika terdapat murid yang sakit atau demam untuk di bawa pulang bagi mengelakkan jangkitan kepada murid yang lain. Kekurangan kedua ialah pelan laluan kecemasan. Tiada paparan pelan laluan kecemasan di dalam premis dan apabila disoal kepada responden, responden menyatakan bahawa pelan laluan kecemasan masih dalam peringkat ubah suai dan belum dipaparkan lagi. Namun begitu, pengkaji mendapati ruang bilik sakit perlu ada di dalam tadika untuk memberikan ruang yang sesuai bagi murid yang tidak sihat sebelum diambil oleh ibu bapa atau penjaga. Pihak tadika juga perlu peka berkenaan pelan laluan kecemasan kerana pelan ini amat penting untuk waktu kecemasan dan pengubahsuaian perlu dilakukan dengan segera dan pelan laluan kecemasan perlu difahami oleh setiap warga tadika untuk diaplikasikan semasa kecemasan.

## **6.0 PERBINCANGAN**

### **Aspek Guru**

Berdasarkan kajian, jelas menunjukkan aspek pemilihan guru tidak mementingkan pengkhususan dalam bidang pendidikan. Pemilihan guru daripada segi kelayakan ikhtisas iaitu kelayakan akademik peringkat diploma dan sifat peribadi guru menjadi keutamaan oleh pengetua tadika. Bidang pengkhususan guru juga

tidak menekankan dalam bidang pendidikan. Bidang pengkhususan iaitu bidang pendidikan perlu dititikberatkan oleh pengetua tadika kerana dapat membantu guru menyampaikan ilmu pengetahuan dengan lebih berkesan. Pengetahuan pedagogi guru yang rendah memberi pengaruh kepada sesi pengajaran di dalam bilik darjah. Lucy (2007) menyatakan tahap kemampuan mengajar guru menjadi kurang berkesan kerana guru kurang kemahiran dalam bidang psikologi kanak-kanak, pedagogi dan kemahiran dalam pengajaran.

Hal ini turut disokong oleh Siti Salwa (2014) yang menyatakan bahawa, guru opsyen dan tidak opsyen juga memberi pengaruh yang berbeza dalam sesi pengajaran dan pencapaian murid. Hal ini jelas menunjukkan pentingnya latar belakang pendidikan seseorang guru kerana ia mempengaruhi proses pembelajaran dan pencapaian murid. Umumnya, guru yang mempunyai kelayakan ikhtisas dalam bidang keguruan atau pendidikan telah didedahkan dengan kemahiran pedagogi dan pengajaran. Hal ini berbeza dengan guru yang tidak mempunyai kelayakan ikhtisas dalam bidang pendidikan. Oleh itu, sangat penting latar belakang kelayakan akademik seseorang guru kerana ia mempengaruhi sesi PdPc dan kejayaan seseorang murid. Pihak pengurusan tadika perlu memberi perhatian terhadap kelayakan akademik seseorang guru agar sesi pengajaran berlangsung dengan berkesan dan murid dapat meningkatkan pengetahuan mereka.

Selain daripada kelayakan akademik, Sofiah dan Kamarul Azmi (2016) menyatakan bahawa guru yang berkesan perlu mempunyai pengetahuan mengenai audiens mereka. Pada peringkat ini audiens merujuk kepada murid tadika. Sofiah dan Kamarul Azmi menyatakan bahawa pengetahuan yang berkaitan boleh diperolehi daripada kursus, latihan dan pengalaman. Berdasarkan kajian, responden menyatakan bahawa, pihak tadika menyediakan latihan dan kursus yang bersesuaian untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para guru untuk diaplikasikan semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan. Namun, berdasarkan responden, latihan yang dihadiri oleh guru tadika lebih menjurus untuk memahami program tadika dan bukan mengkhusus kepada kemahiran mengajar atau ilmu pedagogi. Dalam kajian ini, cadangan agar pihak pengurusan tadika memberi perhatian terhadap latihan yang bersifat memupuk kemahiran mengajar dan ilmu pedagogi guru selain pendedahan terhadap program tadika. Hal ini kerana, pengetahuan cara mengajar yang berkesan dan ilmu pedagogi yang mantap dapat menzahirkan sesi PdPc yang berkesan.

### **Aspek Pengajaran**

Dalam proses PdPc, pemilihan pendekatan yang sesuai dengan kemampuan dan minat murid sangat penting. Berdasarkan responden, pendekatan yang selalu digunakan semasa proses pengajaran ialah pendekatan bermain, pembelajaran berasaskan projek dan pembelajaran secara inkuiri. Pendekatan yang digunakan ini dapat meningkatkan minat dan keinginan murid untuk terus belajar. Hal ini turut diakui oleh kajian-kajian yang telah dilaksanakan sebelum ini. Kajian yang telah dibuat oleh Yahya Othman et al (2012) menyatakan bahawa kaedah membaca menggunakan fonik dapat meningkatkan motivasi dan minat murid untuk membaca pelbagai jenis buku. Hal ini turut disokong oleh Tay (2015) yang menyatakan pembelajaran menyeronokkan mampu meningkatkan prestasi pengajaran. Oleh yang demikian, berdasarkan pengetua tadika, pendekatan bermain yang diamalkan di tadika sangat tepat dan berkesan terhadap murid.

Selain itu, guru yang menggunakan pendekatan pengajaran sambil bermain dalam PdPc sangat bersesuaian dengan murid prasekolah yang masih berada dalam dunia bermain. Menurut Abdul Rasid dan Hasmah (2013), guru bersikap positif dan mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap kesesuaian pembelajaran menyeronokkan. Guru yang mempunyai keyakinan dalam pengajaran dapat melaksanakan PdPc yang berkesan kepada murid.

Pembelajaran berasaskan projek dan inkuiri dilaksanakan dalam satu kumpulan kecil untuk menerokai sesuatu konsep atau tajuk dengan lebih mendalam. Pendekatan berasaskan projek dan inkuiri dapat memberi peluang kepada murid untuk terlibat dalam penyiasatan yang dijalankan di dalam atau di luar kelas. Penyiasatan yang diterokai berkaitan dengan kehidupan seharian dan penerokaan dijalankan secara mendalam. Selain itu, Discleler (2010) menyatakan bahawa pendekatan projek adalah bertujuan memberi peluang kepada murid untuk terlibat dalam penyiasatan yang dijalankan di dalam atau di luar kelas. Penyiasatan yang berkaitan dengan kehidupan seharian dan penerokaan dijalankan secara mendalam akan memberi pengalaman yang sangat bermakna terhadap murid.

Selain itu, pemilihan pengajaran secara projek dan inkuiri dapat memberikan murid pengalaman berbeza. Pengajaran ini dapat dilakukan secara "hands-on" yang menjadikan proses pengajaran lebih berkesan. Menurut Lee Chiong Heng (2012), pengajaran menerusi aktiviti "hands-on" dapat menarik perhatian murid dan murid dapat menumpukan perhatian dalam kelas. Oleh itu, pendekatan projek dan

inkuiri dapat membentuk murid menjadi lebih fokus, berminat, berkepimpinan, menyemai rasa ingin tahu dan peka terhadap pembelajaran dan persekitaran mereka.

Namun, berdasarkan kajian, pengkaji mendapati responden tidak menyentuh langsung berkaitan pembelajaran menggunakan multimedia. Penggunaan multimedia membolehkan murid belajar secara visual dan dapat membantu menarik perhatian murid. Guru yang mengaplikasikan pengajaran secara visual dapat membantu murid memahami pengajaran yang disampaikan dengan berkesan (Lee Chiong Wee 2009). Pada masa akan datang, di samping fokus pengajaran terhadap guru dan murid, guru perlu menggunakan kemudahan multimedia secara bijak dalam memberikan proses pengajaran yang berkesan. Pihak tadika perlu menyediakan kemudahan multimedia seperti komputer, skrin layar dan projektor untuk digunakan semasa proses PdPc agar proses ini berlangsung dengan lebih berkesan, efektif dan menarik.

### Aspek Persekitaran Fizikal

Persekitaran yang selesa, selamat, berwarna-warni dan menarik dapat memberikan galakan atau dorongan kepada murid. Persekitaran tadika boleh dikategorikan kepada persekitaran luaran dan persekitaran dalaman. Tetapi, berdasarkan kajian, pengkaji hanya dapat mengenal pasti kemudahan fizikal ruang dalaman tadika sahaja kerana premis terletak di dalam bangunan kedai. Kualiti sesebuah tadika boleh dikenal pasti melalui persekitaran fizikalnya. Berdasarkan *Iowa Department of Education* (2007), kualiti persekitaran sesebuah tadika diukur melalui empat perkara. Pertama, peralatan dan perbahanan aktiviti yang pelbagai seperti peralatan main peranan, perbahanan untuk aktiviti sensori-deria, peralatan untuk mengembangkan kemahiran motor dan perbahanan yang membantu meningkatkan matlamat pembelajaran. Kedua, reka bentuk ruang dalaman yang membolehkan guru-guru mengawasi murid semasa proses pembelajaran dan bukan pembelajaran. Ketiga, jumlah peralatan dan perbahanan mencukupi dan sesuai untuk aktiviti individu dan kumpulan serta minat murid. Keempat, ruang dalaman tadika sesuai untuk aktiviti berkumpulan dan individu, ruangan aktiviti dibahagikan dan mempunyai sempadan dan menyediakan ruang untuk murid yang berkeperluan khas.

Selain itu, kemudahan fizikal turut melibatkan keselamatan. Antara keselamatan yang digariskan oleh *Iowa Department of Education* (2007) ialah, saiz kelas (35 kps bagi setiap kanak-kanak), kebersihan tandas, jauh daripada kemalangan seperti renjatan elektrik, lantai tidak licin, dilengkapi dengan peti pertolongan cemas dan alat pemadam api yang berfungsi, pengudaraan yang baik dan kawasan bebas merokok. Menurut Webster (2012) pula, kualiti kemudahan fizikal sesebuah tadika diukur melalui ruang pembelajaran, saiz kelas, perabot dan peralatan. Selain itu, menurut Natasya Prasetya (2012), keadaan ruang belajar sesebuah tadika sangat penting untuk memastikan kelancaran sesi pengajaran dan pembelajaran. Aspek penting yang perlu diberi perhatian ialah lantai, cat dan warna, hiasan dan saiz perabot yang sesuai dengan kanak-kanak.

Berdasarkan kajian, pengkaji mendapati bahawa terdapat aspek yang menepati kriteria kualiti ini seperti peralatan dan perbahanan yang sesuai untuk aktiviti kumpulan dan individu serta mengikut subjek pembelajaran yang diajarkan. Selain itu juga, ruang aktiviti atau sudut pembelajaran dikategorikan dan setiap ruang aktiviti mempunyai sempadan seperti ruang matematik, ruang sains dan penerokaan, ruang seni kreatif, ruang kemahiran motor dan sebagainya. Selain itu, tadika dilengkapi dengan peti pertolongan cemas, alat pemadam api, pintu kecemasan dan kabel elektrik yang jauh daripada capaian kanak-kanak.

Selain itu, tadika juga dilengkapi suhu yang bersesuaian dengan bantuan penyaman udara, lampu dan kipas yang bersesuaian. Suhu yang sesuai sangat diperlukan dalam sesebuah bilik darjah seperti kajian yang telah dilaksanakan oleh Sofian Mohd Daud et al (2015) yang menyatakan bahawa sesebuah ruangan belajar perlu mempunyai suhu persekitaran yang sederhana, iaitu tidak panas dan tidak sejuk untuk memastikan keberkesanan sesi pengajaran dan pemudahcaraan.

Tetapi, pengkaji juga telah mengenal pasti kekurangan tadika ini iaitu, tidak menyediakan bilik sakit dan pelan laluan kecemasan. Responden menerangkan bahawa bilik sakit tidak disediakan kerana, ibu bapa atau penjaga murid akan terus dihubungi sekiranya murid tersebut menunjukkan simptom tidak sihat. Rajah laluan kecemasan juga sedang dimurnikan dan belum dipaparkan di ruangan tadika. Perkara ini tidak patut berlaku kerana setiap kemudahan sangat diperlukan untuk memastikan sesebuah tadika beroperasi dengan lancar, selamat dan berkualiti.

Selain itu, lokasi tadika di premis kedai menjadikan tiada ruang luar premis yang dapat diterokai oleh murid. Ruang luar premis sangat penting untuk pembelajaran murid yang dapat merangsang minda, fizikal dan emosi murid (PERMATA 2013). Oleh itu, diharap pengusaha tadika dapat memberi perhatian terhadap persekitaran luar premis tadika agar murid dapat meneroka dan merangsang perkembangan mereka seiring usia.



## 7.0 KESIMPULAN

Berdasarkan kajian, tadika yang dikaji telah memenuhi beberapa aspek yang telah digariskan oleh NAEYC. Namun begitu, terdapat juga beberapa kelemahan yang ketara yang dapat dilihat semasa kajian dilaksanakan. Oleh itu, pihak tadika perlu mengambil inisiatif untuk mengkaji kembali aspek kualiti yang digariskan bagi sesebuah tadika untuk menjadi tadika yang berkualiti dan cemerlang.

Harapan agar pihak dan agensi yang terlibat secara langsung mahupun tidak dalam sistem pendidikan prasekolah membantu memantau setiap tadika terutamanya tadika swasta agar setiap tadika memenuhi garis panduan dan aspek kualiti yang telah ditetapkan. Oleh itu, pihak berkaitan terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia perlu mengambil inisiatif agar setiap tadika di negara ini berkualiti dan seterusnya mampu melahirkan murid yang cemerlang.

## 8.0 RUJUKAN

- Abdul Halim Masnan. 2014. *Amalan pedagogi guru prasekolah permulaan*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjung Malim.
- Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail. 2013. Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 3(2), 49-63.
- Bahagian Pendidikan Awal Kanak-kanak (PERMATA). 2013. Kurikulum Permata negara Edisi ketiga. Jabatan Perdana Menteri. Putrajaya.
- Beaty, J.J. 2014. *Preschool Appropriate Practices: Environment, Curriculum and Development* (Edisi ketiga). USA: Wadsworth Cengage Learning.
- Casper, V. & Theilheimer, R. 2010. *Early childhood education, learning together*. New York: Mc Raw Hill.
- Centre for the Study of Child Care Employment. 2017. Comparison personnel system for K-12 and early childhood qualification and compensation. University of California.
- Che Nidzam Che Ahmad, Noraini Mohamed Noh, Mazlini Adnan, et al. 2016. Pengaruh persekitaran fizikal bilik darjah terhadap tahap penyelesaian pengajaran dan pembelajaran. artikel diperoleh daripada <https://www.researchgate.net/publication/294886469>.
- Gardner, H. *Frames of Mind: The theory of Multiple Intelligences*.
- Harms, T., Clifford, R.M. & Cryer, D. 2015. *Early Childhood Environment Rating Scale (ECERS)*. USA. Teacher College Press. Daripada [https://www.kedsonline.org/Documents/AEPS\\_June\\_11.pdf](https://www.kedsonline.org/Documents/AEPS_June_11.pdf).
- IOWA Quality Preschool Program Standard*. 2007. Iowa Department of Education. Chicago.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (a). 2017. Dokumen Standard dan Penaksiran Kebangsaan (Pendidikan Prasekolah).
- Kementerian Pendidikan Malaysia (b). 2017. Laporan Tahunan 2016 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2012-2025)
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Pelan Strategik Interim KPM 2011-2020.
- Khalid Johari, Zurida Ismail, Shuki Osman & Ahmad Tajuddin Othman. 2009. Pengaruh jenis latihan guru dan pengalaman mengajar terhadap efikasi guru sekolah menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34 (2). 3-14.
- Kostelnik, M.J., Soderman, A.K. & Whiren, A.P. 2011. *Developmentally Appropriate Curriculum: Best Practices in Early Childhood Education*. (Edisi kelima). United State: Pearson.
- Lee Chiong Heng. 2012. Pembelajaran melalui aktiviti hands-on dalam membantu murid prasekolah untuk meningkatkan minat serta tahap kefahaman terhadap isi pembelajaran yang disampaikan. Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012. Ms. 126-137.
- Lee Chiong Wee. 2012. Pembelajaran visual dala usaha meningkatkan tahap kefahaman murid prasekolah. Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012. Ms. 85-97.
- Lee Chung Yeow. 2004. Pelaksanaan sistem pengurusan kualiti di industri kecil dan sederhana di Pulau Pinang, Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Sains Malaysia. Pulau Pinang.

- Manning, M., Garvis, S., Fleming, C. & Wong, G.T.W. 2017. The relationship between teacher qualification and the quality of the early childhood education and care environment. Campbell Systematic Review.
- Mariani Md Nor & Siti Hawa Abdullah. 2009. Pendekatan main dalam menangani masalah pembelajaran kanak-kanak. *Jurnal DP* 9: 72-79.
- Mok Soon Sang. 2012. Orinsip Teras Guru Kanan Mata Pelajaran. Penerbit Multimedia Sdn. Bhd. Puchong.
- Natasha Prasetya. 2012. Kajian aspek interior ruang belajar dan bermain pada taman kanak-kanak di Surakarta. *Dimensi Interior* 10: 23-32.
- National Association for the Education of Young Children (NAEYC). 2018. The 10 NAEYC Program Standard. Daripada [www.naeyc.org](http://www.naeyc.org)
- Norasmah Othman, & Shuki Osman. 2009. Kaedah pengajaran dan pembelajaran. Dlm. Noraini Idris & Shuki Osman (pnyt.) Pengajaran dan pembelajaran: Teori dan praktis (hlm. 75-100). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Athirah Ariffin Faridah Yunus. 2017. Kesediaan guru prasekolah dalam melaksanakan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. *Simposium Pensisikan diPeribadikan: Perspektif Risalah An-Nur*, hlm. 147-152.
- Nurul Jannah Amirul. 2015. Pembinaan dan pengesahan instrumen persekitaran bilik darjah sekolah menengah di Malaysia. Disertasi Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Tanjong Malim.
- Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD). 2011. *Teachers matter: attracting, developing and retaining effective teachers*. (September, 2011).OECD.
- Ramlah Jantan, Nor Afni Resad & Siti Fathimah Az-zahra Mohd Fauzi. 2016. Aktiviti didik hibur dalam kalangan guru prasekolah di daerah Gombak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak* 5: 19-29.
- Sofiah Mohamed & Kamarul Azmi Jasmi. 2016. Pengetahuan guru pendidikan Islam prasekolah dalam rangka pembangunan tamadun ummah. *Jurnal Sains Humanika*. 8: 21-28.
- Sofian Mohd Daud, Shahrudin Ahmad, Noorazuan Md. Hashim & Yusniza Mahamad Yusoff. 2015. Keselesaian terma pelajar dalam bilik darjah:Kajian kes di Sekolah Agama Menengah Tinggi Sultan Hisamuddin, Klang, Selangor Darul Ehsan. *Malaysian Journal of Society and Space* 11 (4): 24-38.
- Tay May Guat. 2015. Pembelajaran menyeronokkan dalam PdP Bahasa Melayu. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL* Jilid 12.
- Webster, M. 2012. Quality:What it is and why it matters in early childhood education. Daripada [www.scaany.org](http://www.scaany.org)
- Workman, S. & Ullrich, R. 2017. Quality 101: Identifying the core components of a high-quality early childhood program. Center for American Progress.
- Yahya Othman, Aisah Md. Daud, Azmey Othman et al. 2012. Pelaksanaan pengajaran membaca menggunakan kaedah fonik peringkat prasekolah di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 2 (5): 93-109.
- Yuruk, N. 2011. The prediction of pre-service elementary teacher's anxiety about teaching science. *Journa of Baltic Science Education*, 10(1).
- Zaidah Yazid. 2005. Pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) guru matematik tambahan berpengalaman. Tesis Dr. Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.